

Kerajaan naikkan elaun 43,595 pelajar tajaan JPA

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan ber-setuju menaikkan kadar Elaun Sara Hidup (ESH) pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi peringkat persediaan hingga ijazah lanjutan di dalam dan luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenaikan kadar ini melibatkan pertambahan implikasi kewangan dengan anggaran sebanyak RM52.03 juta bagi tempoh enam bulan mulai bulan depan yang akan memanfaatkan 43,595 orang pelajar.

Menurut beliau, ia membatik kenaikan 15 peratus kadar ESH bagi pelajar tajaan JPA di luar negara kecuali kepada pelajar ijazah pertama di United Kingdom (UK) (sudah dinaikkan pada 7 November 2022).

"Ini termasuk kenaikan RM100 kadar ESH sebulan bagi pelajar tajaan JPA di dalam negara mengikut peringkat pengajian.

"Kenaikan kadar elaun ini merupakan salah satu usaha kerajaan bagi menangani kenaikan kos sara hidup yang tinggi khususnya pelajar-pelajar B40 yang tinggal di bandar-


PM arah JPA teruskan tajaan pembedaan, pergigian, farmasi

Dari muka 1 Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd. Ali seperti dilaporkan media semalam berkata, Laporan Petunjuk Kesihatan 2022 melaporkan pencapaian nisbah jumlah keperluan tenaga kerja perubatan seluruh negara kepada jumlah populasi penduduk sehingga Disember 2021 adalah 1:420 dan dijangkakan nisbah 1:400 akan dapat dicapai pada 2025.

Tambah Arraizan, bekalan pegawai perubatan pada tahun 2021 dicatatkan berjumlah 72,812 berbanding permintaan iaitu berjumlah 70,721 dan ekatan pegawai pergigian dan

farmasi 2022 melaporkan pencapaian nisbah jumlah keperluan tenaga kerja perubatan seluruh negara kepada jumlah populasi penduduk sehingga Disember 2021 adalah 1:420 dan dijangkakan nisbah 1:400 akan dapat dicapai pada 2025.

Tambah Arraizan, bekalan pegawai perubatan pada tahun 2021 dicatatkan berjumlah 72,812 berbanding permintaan iaitu berjumlah 70,721 dan ekatan pegawai pergigian dan



bandar besar negara pengajankatanya dalam kenyataan di sini semalam.

Isnin lalu, Perdana Menteri mengumumkan, Kerajaan Pusat akan meneruskan tajaan dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di bawah JPA.

Anwar berkata, keputusan itu berdasarkan situasi semasa yang mana masih terdapat keperluan bagi sektor-sektor terbabit dalam negara.

"Sejak minggu lalu saya ada perjumpaan khas dengan JPA dan mereka kata itu (menghentikan tajaan) adalah dasar sedia ada, dasar yang lalu.

"Jadi saya minta dikaji semula berdasarkan unjuran kita yang mana keperluan sektor perubatan, pergigian dan farmasi itu masih ada.

"Maknanya program biasiswa JPA untuk sektor-sektor ini akan diteruskan," katanya sebagai mengulas keputusan sebelum ini untuk menghentikan penajaan JPA dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi.

Ia berikutan kajian Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati bekalan pegawai perubatan akan mengalami kebanjiran mulai tahun 2026 hingga 2030

Anwar berkata, inisiatif se-

Kenaikan kadar ESH ini merupakan salah satu usaha kerajaan bagi menangani kenaikan kos sara hidup yang tinggi khususnya pelajar-pelajar B40 yang tinggal di bandar-bandar besar negara pengajian."

DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

makan semula kadar ESH ini akan membolehkan pelajar-pelajar tajaan kerajaan memberi fokus kepada pencapaian kecemerlangan akademik tanpa memikirkan bebanan kewangan pengajian.

Dalam masa sama, beliau berkata, bantuan ini bagi memastikan memastikan penawaran penajaan kerajaan adalah kekal relevan dan berprestij.